

Malaysia ambil langkah proaktif lindungi hutan

Prof Dr Mohd Hasmadi Ismail
Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, UPM

Kesedaran mengenai kepentingan hutan kepada manusia dan peradabannya selalu dilaungkan di semua saluran media. Malah ia diraikan secara khusus menerusi sambutan Hari Perhutanan Sedunia. Namun, hanya menyedari kepentingan hutan tidak mencukupi sebaliknya ia perlu disertakan dengan sikap tanggungjawab.

Hampir 50 peratus keluasan Malaysia masih diliputi hutan dan ia menjadi sebahagian daripada warisan semula jadi negara. Kepentingan hutan tidak dinafikan dalam membekalkan kita udara dan air bersih, mengurangkan kesan perubahan iklim, serta menggalakkan kesejahteraan mental dan fizikal.

Pokok menyerap karbon dioksida dari atmosfera, mengurangkan tahap gas rumah hijau yang menyumbang kepada perubahan iklim. Hutan juga menapis bahan pencemar daripada udara dan air, meningkatkan kualiti udara dan air serta mengurangkan risiko penyakit pernafasan dan lain-lain.

Di samping itu, menghabiskan masa menikmati alam semula jadi diketahui mampu mengurangkan tahap tekanan, menurunkan tekanan darah dan meningkatkan suasana hati. Justeru, pengurangan keluasan hutan bukan hanya menjejaskan alam sekitar, tetapi juga memberi kesan kepada kesihatan mental dan emosi, kerana capaian kepada ruang hijau dan persekitaran semula jadi adalah penting untuk menggalakkan kesejahteraan.

Satu daripada punca hutan semakin berkurang adalah disebabkan aktiviti penebangan hutan tidak terkawal. Tindakan itu turut menjejaskan biodiversiti, menyebabkan hakisan tanah dan

masalah alam sekitar yang lain.

Selain itu, perubahan iklim juga memberi kesan yang ketara kepada hutan. Peningkatan suhu dan perubahan corak hujan misalnya menjejaskan pertumbuhan dan kemandirian pokok dan tumbuh-tumbuhan lain.

Justeru, menyedari kepentingan hutan dalam menyokong kesihatan dan kesejahteraan manusia, Malaysia mengambil langkah yang sewajarnya dalam melindungi hutan dan menggalakkan amalan perhutanan mampan.

Warta kawasan perlindungan

Malaysia sudah mewartakan beberapa kawasan perlindungan, seperti taman negara dan rizab hidupan liar, untuk memulihara warisan semula jadi dan menggalakkan pemuliharaan biodiversiti.

Kita juga memeterai perjanjian antarabangsa yang bertujuan untuk melindungi hutan, seperti Konvensyen Rangka Kerja Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim dan

Konvensyen Mengenai Kepelbagaian Biologi.

Di sebalik cabaran ini, Malaysia turut mengambil langkah untuk melindungi hutannya dan menggalakkan amalan perhutanan yang mampan untuk mengurangkan kesan pembalakan terhadap ekosistem hutan.

Pada masa sama, kita turut mencapai kemajuan yang ketara dalam usaha perhutanan semula dan pemulihan hutan. Ia susulan inisiatif untuk menanam pokok dan memulihkan kawasan yang terjejas menerusi pelbagai kempen selain amalan pembalakan kurang impak dan skim persijilan.

Amalan skim persijilan amat menarik kerana ia memberi jaminan kepada pengguna bahawa produk kayu yang digunakan adalah dari sumber hutan yang diuruskan secara mampan.

Penjagaan dan perlindungan hutan tidak terhad di Malaysia, sahaja sebaliknya ia harus berlaku di seluruh dunia. Hal ini akan membantu memastikan hutan terus menyediakan perkhidmatan ekosistem yang penting untuk kesihatan dan kesejahteraan semua manusia.

